



MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU IKLAN JAWATAN KOSONG

Warganegara Malaysia adalah dipelawa memohon jawatan-jawatan sebagaimana di bawah. Keutamaan akan diberi kepada rakyat Negeri Johor Darul Ta'zim atau Warganegara Malaysia yang telah menduduki Negeri Johor tidak kurang dari tiga (3) tahun berturut-turut.

1. NAMA JAWATAN :

BIL	JAWATAN	KUMPULAN	KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	GRED	TARAF JAWATAN
1.	Jurutera	Pengurusan & Profesional	Kejuruteraan	J9	Kontrak (Interim)
2.	Arkitek	Pengurusan & Profesional	Kejuruteraan	J9	Kontrak (Interim)
3.	Juruaudit	Pengurusan & Profesional	Kewangan	W9	Kontrak (Interim)
4.	Akauntan	Pengurusan & Profesional	Kewangan	WA9	Kontrak (Interim)
5.	Penolong Pegawai Penilaian	Pelaksana	Kewangan	W5	Kontrak (Interim)
6.	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat	Pelaksana	Sistem Maklumat	FA5	Kontrak (Interim)
7.	Ahli Muzik	Pelaksana	Bakat dan Seni	B5	Kontrak
8.	Pembantu Khidmat Am	Pelaksana	Kemahiran	H1	Kontrak (Interim)

2. JADUAL GRED GAJI :

Gred J9	:	RM2,250.00	-	RM11,110.00
Gred J9	:	RM2,250.00	-	RM11,110.00
Gred W9	:	RM2,250.00	-	RM11,110.00
Gred WA9	:	RM2,250.00	-	RM11,110.00
Gred W5	:	RM1,650.00		RM6,620.00
Gred FA5	:	RM1,650.00		RM6,620.00
Gred B5	:	RM1,650.00		RM6,620.00
Gred H1	:	RM1,500.00		RM4,680.00

3. **SYARAT-SYARAT LANTIKAN :**

- Semua jawatan hendaklah terdiri daripada **WARGANEGARA MALAYSIA**.

3.1 JAWATAN 1 – JURUTERA GRED J9

- (a) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
- (b) berdaftar sebagai Jurutera Siswazah dengan Lembaga Jurutera Malaysia.
(Gaji permulaan ialah pada Gred J9: RM2,690.00).

(c) SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(d) SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN

Pegawai sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam)/Penolong Jurutera Gred JA5, JA6, JA7 atau JA8 dan Pemeriksa Kereta Motor Gred AB5, AB6, AB7 atau AB8 adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Jurutera Gred J9, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 3.1 (a) dan (b); atau
- (ii) lulus Peperiksaan Badan Ikhtisas Bahagian I dan II anjuran Lembaga Jurutera Malaysia/Institut Jurutera Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
- (b) had umur pelantikan:-
 - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

(e) **DESKRIPSI TUGAS :**

Melaksanakan penyelenggaraan dan pembaikan ke atas semua bangunan dan kemudahan awam serta mengawasi aspek kejuruteraan.

3.2 JAWATAN 2 – ARKITEK GRED J9

(a) Ijazah Sarjana Muda Seni Bina/Ijazah Sarjana dalam bidang Seni Bina dengan pengiktirafan Bahagian II oleh Lembaga Arkitek Malaysia (LAM) yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan

(b) berdaftar sebagai Arkitek Graduan dengan Lembaga Arkitek Malaysia.

(Gaji permulaan ialah pada Gred J9: RM2,910.00).

(c) **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(d) **SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN**

Pegawai sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Pelukis Pelan (Seni Bina)/Penolong Pegawai Seni Bina Gred JA5, JA6, JA7 atau JA8 adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Arkitek Gred J9, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 3.2(a) dan (b); atau

(ii) lulus Peperiksaan Badan Ikhtisas Bahagian I dan II anjuran Lembaga Arkitek Malaysia/Persatuan Arkitek Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan

(b) had umur pelantikan:-

(i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau

(ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau

(iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

(e) **DESKRIPSI TUGAS :**

Merancang, mereka bentuk bangunan baru, menerima dan mengkaji ringkasan projek (*project's brief*), melawat tapak projek, menyediakan lukisan, lakaran reka bentuk (*sketch drawings*) reka bentuk terperinci, lukisan kerja (*working drawings*) dan penentuan (*specifications*).

3.3 JAWATAN 3 – JURUAUDIT GRED W9

- (a) Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W9: RM2,470.00); atau

- (b) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W9: RM3,020.00); atau

- (c) Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W9: RM3,020.00); atau

- (d) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan menjadi Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W9: RM3,130.00); atau

- (e) Ahli Penuh Institut Akauntan Malaysia.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W9: RM3,240.00).

[Senarai Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan di perenggan (c) dan (d) adalah seperti di Lampiran B11B].

(f) **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(g) **SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN**

Penolong Juruaudit adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Juruaudit Gred W9, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 3.3(a) hingga (e); atau
- (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
- (b) had umur pelantikan:-
 - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

(h) **DESKRIPSI TUGAS :**

Bertanggungjawab menjalankan pengauditan secara profesional, mengesahkan penyata kewangan, mengeluarkan sijil audit dan laporan berkaitannya, menyediakan laporan audit yang berkualiti, *timely* dan seimbang, menguruskan aktiviti pengauditan dengan cekap dan berkesan serta memberi khidmat nasihat, memenuhi keperluan dan harapan stakeholders.

3.4 JAWATAN 4 – AKAUNTAN GRED WA9

- (a) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred WA9: RM3,020.00); atau

- (b) lulus peperiksaan akhir Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan

(Gaji permulaan ialah pada Gred WA9: RM3,020.00); atau

- (c) lulus Peperiksaan Kelayakan (QE) Institut Akauntan Malaysia (MIA).

(Gaji permulaan ialah pada Gred WA9: RM3,020.00).

[Senarai Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan di perenggan 3.4(b) adalah seperti di Lampiran B11B].

(d) **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU :**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(e) **SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN :**

Pegawai sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Penolong Akauntan adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Akauntan Gred WA9, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

(f) (a) mempunyai kelayakan di perenggan 3.4(a), (b), (c); dan

(b) had umur pelantikan:

- (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
- (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
- (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

(g) **DESKRIPSI TUGAS :**

Mengendalikan pengurusan keseluruhan fungsi-fungsi perakaunan dan kewangan pejabat-pejabat Kerajaan, meliputi melaksanakan analisis laporan kerangan serta fungsi perbendaharaan.

3.5 JAWATAN 5 – PENOLONG PEGAWAI PENILAIAN GRED W5

(a) Sijil Pengurusan Harta Tanah yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W5: RM1,731.00); atau

(b) Sijil Penilaian Harta Tanah yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W5: RM1,731.00); atau

- (c) Diploma Pengurusan Harta Tanah atau Diploma dalam bidang Pengurusan Harta Benda yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W5: RM1,974.00).

(d) **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(e) **SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN**

Pegawai sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Pembantu Penilaian adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Penilaian Gred W5, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 3.5(a) hingga (c); atau
(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
- (b) had umur pelantikan:-
- (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
- (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
- (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

(f) **DESKRIPSI TUGAS :**

- (a) Menjalankan semua aktiviti yang berkaitan dengan penilaian pelbagai harta tanah termasuk mengambil perbandingan, membuat lawatan dan pemeriksaan harta tanah, menyemak butir-butir hak milik dan perancangan, menyelidik maklumat dan menganalisis data, menyediakan pelan-pelan bangunan, lokasi, perbandingan dan aktiviti lain yang perlu, menyediakan laporan nilai yang berkualiti dan melaporkan nilai dalam had kuasa yang diberi.
- (b) Membuat lawatan dan pemeriksaan terperinci terhadap semua aspek harta tanah yang dinilai.

- (c) Melukis pelan tapak, pelan bangunan dan pengiraan luas serta menyediakan pelan tapak dan bangunan, pelan lokasi, pelan perbandingan.
- (d) Menyemak dan meluluskan kerja-kerja penilaian yang perlu atau sepertimana yang telah diarahkan seperti menyemak maklumat hak milik termasuk nombor dan jenis hak milik, keluasan tanah, jenis kegunaan tanah, syarat-syarat nyata, sekatan hak, sewa tahunan, penjualan terakhir dan sebagainya. Menyemak lokasi sesuatu harta tanah, pelan yang dipecah bahagi, pelan susun atur dan permohonan untuk tukar syarat dan status kelulusan.
- (e) Meneliti bantahan atau rayuan dan menyemak semula nilai terdahulu.
- (f) Menganalisis data dari segi harga penjualan, nilai sewa, kos binaan bangunan, harta pertanian, hasil tanaman, kos penyelenggaraan, harga jualan, harta tanah khas, pendapatan, perbelanjaan, keuntungan, kadar penghunian, sewaan semasa, tempoh penyewaan, kos binaan, kapasiti tangki dan sebagainya.
- (g) Menjalankan kajian, kerja-kerja penyelidikan dan mengemaskini maklumat secara berterusan.

3.6 JAWATAN 6 – PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT GRED FA5

- (a) Sijil Teknologi Maklumat, Sijil Kejuruteraan dalam bidang Kejuruteraan Komputer atau Sijil dalam bidang Prosesan Data yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred FA5: RM1,650.00); atau

- (b) Diploma Kemahiran Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred FA5: RM1,731.00); atau

- (c) Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred FA5: RM1,812.00); atau

- (d) Diploma Sains Komputer, Diploma Teknologi Maklumat atau Diploma Kejuruteraan dalam bidang Kejuruteraan Komputer yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred FA5: RM1,974.00).

(e) **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(f) **SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN**

Pegawai sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Juruteknik Komputer adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred FA5, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 3.6(a) hingga (d); dan

(b) had umur pelantikan:-

(i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau

(ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau

(iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

(g) **DESKRIPSI TUGAS :**

Bertanggungjawab membangun program baru untuk sesuatu sistemgunaan komputer, memperkembangkan sistem komputer yang sedia ada bagi memenuhi keperluan semasa, penyelenggaraan sistem dan memberikan latihan serta bantuan teknikal kepada pihak pengguna.

3.7 JAWATAN 7 – AHLI MUZIK GRED B5

(a) mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti serta berkebolehan memainkan satu dan/atau lebih alat muzik moden atau tradisional serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B5: RM1,650.00); atau

- (b) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B5: RM1,650.00); atau

- (c) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B5: RM1,650.00); atau

- (d) Sijil Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B5: RM1,650.00); atau

- (e) Diploma dalam bidang Seni Muzik yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B5: RM1,893.00).

(f) **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

Calon yang memiliki kelayakan di perenggan 3.7(b), 3.7(c), 3.7(d), dan 3.7(e), hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan

(g) **DESKRIPSI TUGAS :**

melaksanakan persembahan muzik rasmi kerajaan, mengiringi majlis kenegaraan, membimbing latihan orkestra atau ensembel, serta menyusun dan menggubah muzik untuk pelbagai acara rasmi. Selain itu, mereka juga bertanggungjawab dalam menggubah lagu, menyemak skor muzik, memimpin dan menjaga disiplin anggota kombo, bermain alat muzik, dan membantu pemimpin orkestra dalam pentadbiran.

3.8 JAWATAN 8 – PEMBANTU KHIDMAT AM GRED H1

- (a) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,500.00); atau
- (b) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,500.00); atau
- (c) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,561.00); atau
- (d) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,622.00); dan
- (e) Memenuhi syarat lantikan bagi keperluan khas (jika melaksanakan tugas atau mana-mana gabungan tugas seperti di perenggan 1(g)).

(f) **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(g) **SYARAT LANTIKAN BAGI KEPERLUAN KHAS (PEMANDUAN/ PENGENDALIAN KREN/ PENGENDALIAN DANDANG/ TUGASAN MENYELAMAT)**

- (i) Memiliki lesen memandu Kelas B2/B/DA/D/E2/E1/E/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali Lesen Memandu Percubaan (P)] dan berkebolehan memandu, mengendalikan dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh tugas berkenaan; atau
- (ii) Bagi tugas pengendalian kren, calon perlu memiliki Sijil Pendaftaran Orang Kompeten yang berkaitan daripada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan; atau

- (iii) Bagi tugas memandu enjin sangkut/motobot, calon perlu memiliki perakuan kekompetenan berkaitan daripada Jabatan Laut Malaysia; atau
- (iv) Bagi tugas pengendalian dandang, calon perlu memiliki sekurang-kurangnya Perakuan Kebolehan Drebar Enjin (Enjin Pembakaran Dalam) Gred 2 atau Perakuan Kebolehan Drebar Enjin (Dandang Stim/Enjin Stim) Gred 2 mengikut mana yang berkenaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan serta berkebolehan mengendalikan loji pembakaran dalam 40-100 kuasa kuda atau loji stim/dandang yang luas permukaan pembakarannya di bawah 100 kaki persegi mana yang berkenaan; atau
- (v) Bagi tugas menyelamatkan, calon perlu memiliki Sijil Pertolongan Cemas dan berkebolehan berenang.

(h) **DESKRIPSI TUGAS :**

- (i) Pembantu Khidmat Am Gred H1
Mengikut fungsi tugas Pembantu Khidmat Am Gred H1 yang akan ditetapkan oleh Kementerian/ Jabatan berkaitan.
- (ii) Pembantu Khidmat Am Gred H1 (Am)
Melibatkan tugas am untuk kelancaran operasi pejabat yang akan ditetapkan oleh Kementerian/Jabatan berkaitan.
- (iii) Pembantu Khidmat Am Gred H1 (Pemanduan)
Melibatkan tugas am untuk kelancaran operasi pejabat dan tugas khas pemanduan/pengendalian kren yang akan ditetapkan oleh Kementerian/Jabatan berkaitan.
- (iv) Pembantu Khidmat Am Gred H1 (Operator Loji)
Melibatkan tugas am untuk kelancaran operasi pejabat dan tugas khas Pengendalian dandang yang akan ditetapkan oleh Kementerian/ Jabatan berkaitan.
- (v) Pembantu Khidmat Am Gred H1 (Am dan Menyelamat)
Melibatkan tugas am untuk kelancaran operasi pejabat dan tugas khas Menyelamat yang akan ditetapkan oleh Kementerian/Jabatan berkaitan.

4. **UMUR :**

Calon bagi lantikan hendaklah berumur :

- (a) tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; **DAN**
- (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

5. **CARA MEMOHON :**

- (a) Permohonan boleh dibuat secara atas talian sepenuhnya melalui Sistem eJawatan di pautan <https://apl.mbjb.gov.my/ejawatan>
- (b) Permohonan daripada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat mestilah membuat permohonan melalui Ketua Jabatan mengikut Perintah Am Bab 'A' Bil.17 di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) Tahun 2005 dan memastikan Laporan Penilaian Prestasi dan Penyata Perkhidmatan yang dikemaskini disertakan bersama-sama.
- (c) Tarikh tutup permohonan ialah pada **28 Oktober 2025.**
- (d) Semua permohonan yang dikemukakan hendaklah disertakan dokumen-dokumen sebagaimana berikut dan telah diakui **SAH** :-
 - (i) salinan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM);
 - (ii) salinan Sijil Penilaian Menengah Rendah (PMR);
 - (iii) salinan transkrip pengajian;
 - (iv) salinan sijil Diploma/Ijazah;
 - (v) salinan semakan Pengiktirafan Kelayakan dari JPA melalui laman web interaktif <http://www2.mqa.gov.my/esisraf/kelayakan.cfm> (Sijil / Diploma / Ijazah);
 - (vi) salinan sijil/dokumen akademik dan lain-lain yang berkaitan;
 - (vii) salinan Lesen Kelas Memandu;
 - (viii) salinan kad pengenalan;
 - (ix) salinan sijil kelahiran; dan
 - (x) gambar berukuran pasport terbaru.

Untuk maklumat lanjut sila layari laman web rasmi Majlis Bandaraya Johor Bahru di alamat www.mbjb.gov.my.

6. **CATATAN AM :**

- (a) Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
- (b) Segala perbelanjaan kerana menghadiri temuduga adalah tanggung jawab calon sendiri.
- (c) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan tidak berjaya.
- (d) Permohonan yang lewat, tidak lengkap atau tidak memenuhi syarat seperti dalam iklan akan **ditolak serta merta.**



(DATO' HAJI MOHD HAFFIZ BIN HAJI AHMAD)

Datuk Bandar,
Majlis Bandaraya Johor Bahru.

Tarikh :
Rujukan : MBBJ/U/2010/02/PJW/3/8